

Helo Kampus



helo kampus

kampus@utusan.com.my



**DEKATI ORANG
ASLI » 20**



PENUNTUT UPM diberi tunjuk ajar cara membuat makanan tradisi Jepun oleh pelajar Kyutech sempena SAES 2014 di institut itu di Fukuoka, Jepun, baru-baru ini.



**MOHD FAUZI RAMLAN
(tiga dari kanan)
tekun mengikuti sesi
pembentangan daalam
SAES 2014 di Kyutech,
Fukuoka, Jepun, baru-
baru ini.**

REAKSI PESERTA SAES 2014

“MELALUI simposium ini, penyelidik UPM dan Kyutech dapat saling belajar di samping memanfaatkan peminfaatannya kepakaran serta kelebihan masing-masing.”

- **DR. SITI ZAHARAH SAKIMIN**
Pensyarah Kanan Pomologi Fakulti Pertanian UPM



“SAES 2014 adalah platform terbaik bagi perkongsian ilmu, pengetahuan dan teknologi antara penyelidik dari Malaysia dan Jepun.”

- **RODZIAH NAZLAN**
Penuntut Ijazah Kedoktoran Nanomaterial dan Nanoteknologi UPM



“MENDAPAT banyak input baharu yang boleh diaplikasikan dalam penyelidikan yang sedang dilaksanakan seperti pengintegrasian sistem pintar dalam pertanian.”

- **MOHD ASHRAF ZAINOL ABIDIN**
Siswa Sarjana Automasi dan Mekanisasi Pertanian UPM



UPM majukan R&D berimpak tinggi

Bekerjasama dengan Kyutech dari Jepun hasilkan inovasi, pengetahuan baharu

Oleh **AZMY MOHAMED**
yang mengikuti SAES 2014 di Fukuoka, Jepun baru-baru ini



KERJASAMA erat antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kyushu Institute of Technology (Kyutech) dari Jepun memberi banyak manfaat kepada penuntut kedua-dua institusi melaksanakan aktiviti penyelidikan bagi menghasilkan reka cipta, inovasi dan pengetahuan baharu.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk dr. Mohd Fauzi Ramlan berkata, Kyutech sebagai universiti yang maju di Jepun dan banyak membuat penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan teknologi boleh membantu UPM mengembangkan kajian-kajian khususnya dalam industri pertanian di Malaysia.

“Penyelidik dari UPM dan Kyutech boleh bekerjasama menjalankan penyelidikan dalam bidang-bidang yang berpotensi dan menghasilkan pengetahuan serta penemuan baharu yang menguntungkan Malaysia, Jepun mahupun dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap dalam majlis perasmian Simposium Antarabangsa Kejuruteraan dan Sains Gunaan (SAES) 2014 di Kyutech, Fukuoka, Jepun, baru-baru ini.

SAES 2014 merupakan sebahagian program Sakura Science Plan (SSP): Pertukaran Belia Sains Jepun-Asia tajaan kerajaan Jepun yang disertai 110 penuntut dan kakitangan UPM.

Sementara itu, siswi Ijazah Kedoktoran Fakulti Kejuruteraan Biomedikal UPM, Nurul Fauzani Jamaluddin berpendapat, kolaborasi UPM dan Kyutech umpama sebuah pintu masuk bagi mendapatkan ilham inovasi serta teknologi terkini yang berorientasikan masa hadapan.

“Sebagai contoh, dengan menyertai simposium ini, penyelidik muda UPM mendapat idea-idea segar yang boleh disuntik ke dalam bidang penyelidikan masing-masing.

“Malah, melalui sesi kajian kes dalam pembentangan yang diadakan membuatkan kami rasa ada satu tanggungjawab yang besar untuk menghasilkan kajian atau penyelidikan berimpak tinggi mencakupi ruang lingkup



lebih luas, tidak terbatas di dalam negara atau bidang tertentu sahaja,” katanya.

Rakannya, Jahwarhar Izuan Abdul Rashid berkata, simposium

ini memberi peluang bagi berkongsi idea dan pengetahuan berkaitan bidang penyelidikan antara penuntut UPM dan Kyutech.

“Pada masa sama, kita boleh mencontohi budaya hidup dan disiplin kerja penduduk negara matahari terbit ini,” ujar penuntut Ijazah Kedoktoran Kejuruteraan Teknologi sensor UPM ini.

Bagi Nur Hidayah Azeman, penuntut Ijazah Kedoktoran Smartsensing Materials Institut Teknologi Termaju UPM, simposium dua hari ini memberi banyak pendedahan dan pengalaman dari sudut pembelajaran di Jepun yang boleh diamalkan di negara kita.

Dalam pada itu, penuntut Sarjana Kejuruteraan Makanan, Christine Jamie memberitahu, simposium ini Dapat memperluas pengetahuan penyelidikan dalam pelbagai bidang di samping memberi pendedahan terhadap nilai-nilai murni masyarakat Jepun.



NURUL Fauzani